


e-BULETIN JSKM



Pengalaman yang Mendewasakan

Norazah Umar

Antara Menarik di dalam

- Kolca Kuih Tradisional
- Egypt Trips
- Hebatnya Seorang Ibu
- Perisian Matematik untuk PdP
- Rindu yang Tiada Penghujung

Edisi November 2023

ISI KANDUNGAN e-BULETIN

03 Dari Meja Ketua Editor

04 Setinta Kata dari Koordinator

05 Mendidik di Usia 50-an:
Pengalaman yang Mendewasakan

06 Aktiviti JSKM

18 Perkongsian

58 Puisi



Edisi November 2023

Sidang Redaksi:

Ketua Editor

Dr. Siti Nurleena Abu Mansor

Editor

Ts. Jamal Othman

Pn. Siti Mariam Saad

En. Ahmad Rashidi Azudin

Terbitan:



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

Unit Penerbitan e-Buletin
Jabatan Sains Komputer dan Matematik
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang

eISSN 2637-0077



9 7 7 2 6 3 7 0 0 7 0 0 4

DARI MEJA KETUA EDITOR

Dr. Siti Nurleena Abu Mansor


Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada semua pembaca.

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah rahmat-Nya Unit Penerbitan e-Buletin, Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM) berjaya menerbitkan e-Buletin JSKM Edisi 10, sesi 20234. Edisi kali ini Puan Norazah sebagai cover figure dan perkongsian beliau berkaitan kerjaya pendidik di umur 50-an. Semoga perkongsian beliau diharap dapat dijadikan rujukan serta meningkatkan motivasi pembaca sekalian.

Kami juga telah menerima sebanyak 26 artikel dari warga JSKM dari pelbagai kategori seperti laporan aktiviti, perkongsian informasi, pengalaman peribadi, puisi-puisi yang indah dan juga permainan menguji minda. Beberapa perkongsian peribadi dalam melawat negara asing juga menjadikan perkongsian mereka sangat menarik dan membuka minda, juga menjadi pendorong bagi yang lain untuk berkunjung sama. Perkongsian bahasa juga membuka peluang bagi kita mempelajari bahasa-bahasa lain.

Terima kasih kepada semua editor yang telah membantu dalam menyusunatur serta merekaletak eBuletin ini. Tanpa usaha dan kreativiti mereka, eBuletin JSKM tidak akan dapat digarap sebaik ini. Kami berharap bahwa edisi eBuletin kali ini dapat memberikan informasi yang berguna serta menghibur pembaca kami dari berbagai kalangan. Kami juga berharap anda menikmati edisi terbaru eBuletin kami dan berterima kasih atas sokongan anda yang berterusan. Kami akan selalu terbuka untuk sebarang komen serta saranan dari pembaca bagi terus meningkatkan eBuletin ini.

Sekian, terima kasih dan selamat membaca!



SETINTA KATA DARI KOORDINATOR

Ts. Dr. Rozita Kadar

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Dengan rasa penuh syukur kepada Allah SWT dan dengan izin-NYA, e-Buletin Edisi 10 telah berjaya diterbitkan. Pada kesempatan ini, saya ingin menyampaikan ucapan tahniah dan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua ahli Jawatankuasa Unit Penerbitan e-Buletin Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM) atas usaha gigih mereka dalam menjayakan penerbitan ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga JSKM yang menunjukkan tanda sokongan penuh kepada penerbitan kita ini dengan menyumbangkan artikel-artikel ilmiah untuk edisi kali ini.

Dalam edisi kali ini, saya berusaha untuk mengenegahkan pensyarah tentang kepentingan cakna pelajar yang tergolong dalam kumpulan pelajar lemah. Betapa pentingnya kesediaan pensyarah untuk memahami keperluan pelajar yang kurang berkemampuan dalam pembelajaran. Sebagai pendidik, kita mempunyai tanggungjawab besar dalam memberikan pendidikan terbaik kepada semua pelajar. Mengambil tahu tentang pelajar-pelajar dalam kategori ini adalah kunci ke arah kejayaan pendidikan. Ini membolehkan kita memahami keperluan unik setiap pelajar dan menyediakan sokongan yang sesuai. Pengetahuan ini memungkinkan perancangan pengajaran yang lebih efektif dan memastikan bahawa pelajar yang kurang berkemampuan tidak terpinggirkan. Tambahan pula, ini membantu kita dalam mencipta persekitaran pembelajaran yang lebih inklusif dan mesra, di mana setiap pelajar merasa dihargai dan diterima. Dengan mengambil tahu tentang pelajar kurang berkemampuan, kita membuka pintu peluang bagi mereka untuk berkembang, belajar, dan memberi sumbangan yang lebih besar dalam masyarakat. Mari kita sama-sama teruskan usaha cemerlang ini, dan saya yakin kita akan terus meraih pencapaian yang lebih besar di masa depan.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam usaha ini kerana telah memberikan sumbangan yang luar biasa untuk mencapai kejayaan dalam penerbitan e-Buletin kali ini. Semoga e-Buletin Edisi 10 ini memberikan manfaat kepada semua pembaca. Sama-samalah kita memberikan sokongan penuh kepada penerbitan ini dan seterusnya penerbitan untuk edisi-edisi yang akan datang.

Terima kasih dan semoga bermanfaat.



MENDIDIK DI USIA 50-AN

Pengalaman yang Mendewasakan

Oleh: Norazah Umar



Usia 50 tahun seringkali digambarkan sebagai titik di mana seseorang mula memasuki fasa persaraan atau mencari cabaran baru dalam kerjaya mereka. Walau bagaimanapun, banyak individu di usia ini masih aktif terutamanya yang berkecimpung dalam dunia pendidikan, dan peranan pendidik yang berusia setengah abad atau lebih ini masih lagi penting dalam perkembangan generasi muda.

Pendekatan "berumur bukanlah penghalang" benar-benar tercermin dalam peranan pendidik di usia 50 tahun. Mereka membawa pengalaman bertahun-tahun dalam bidang pendidikan, memahami dinamika kelas dan cara terbaik untuk melibatkan pelajar. Pengalaman ini memberi mereka kelebihan unik dalam membantu pelajar mencapai kejayaan akademik dan perkembangan sosial. Mereka membawa kebijaksanaan yang mendalam dalam pendidikan. Mereka telah melalui berbagai situasi dan cabaran dalam karier dan juga hidup justeru ini membolehkan mereka menangani isu-isu di kelas dengan lebih sabar dan berkesan. Mereka juga mempunyai kemampuan untuk mengetahui bagaimana merancang pengajaran yang efektif dan menyokong perkembangan holistik pelajar.

Walaupun begitu mereka mungkin tidak begitu profesional apabila bermain dengan teknologi seperti generasi yang lebih muda, tetapi tidak terlalu lambat untuk mereka mempelajari dan mengadaptasikan alat dan platform teknologi baru dalam pengajaran mereka. Mereka mungkin kurang tangkas, masih terkial-kial dengan berbagai macam perisian yang digunakan selari dengan perubahan generasi. Menyedari kepentingan teknologi dalam pendidikan moden, mereka berusaha untuk mengikuti perubahan ini walaupun ianya agak sukar bagi golongan yang berada di ambang usia emas yang mungkin semakin kabur penglihatannya, lemah ingatannya dan sakit sendi dan sarafnya. Asam garam yang dilalui oleh pendidik senior ini amat berguna untuk membentuk pelajar yang kaya dengan nilai-nilai murni. Dapat dilihat perbezaan tingkah laku dan percakapan anak-anak muda generasi kini, bahasanya terkadang tidak dapat difahami, tiada juga di dalam kamus bahasa jika dicari. Media sosial menjadi rujukan hampir untuk semua perkara, mereka agak terbuka, mungkin tidak sama dengan generasi lama, pun begitu adab yang diamalkan generasi lama ada ketikanya lebih bagus jika boleh diteruskan oleh generasi baru, lebih berbudi bahasa, menghormati dan beradab apabila berbicara. Di sinilah pendidik yang berpengalaman boleh memainkan peranan mereka untuk mendidik bukan sekadar dengan didikan akademik.

Seperti kata pepatah tiada yang tua tiadalah yang muda, pendidik senior sering menjadi mentor yang berharga bagi pendidik muda. Mereka memberi inspirasi dan panduan kepada generasi yang akan datang dan membantu memupuk minat mereka dalam dunia pendidikan. Peranan model ini adalah sangat penting dalam mengekalkan integriti dan standard pendidikan yang tinggi.

Kesimpulannya, mendidik di usia 50an banyak cabarannya namun begitu mereka berjaya membuktikan bahawa usia tidak menghalang seseorang daripada memberi sumbangan yang berharga dalam bidang pendidikan. Pengalaman, kebijaksanaan, dan semangat mereka untuk terus belajar adalah aset berharga dalam membantu pelajar mencapai potensi penuh mereka. Generasi muda dapat memetik manfaat daripada mentor yang berpengalaman dan berpengalaman ini, dan pendidikan sebagai sektor juga berkembang dengan sumbangan mereka. Dalam dunia pendidikan, usia 50 tahun bukan akhir, tetapi awal perjalanan yang baru dan membawa harapan yang cerah untuk masa depan.

AKTIVITI JSKM

01

BOOST UP YOUR MATHEMATICAL SKILLS WORKSHOP

RAFIZAH BINTI KECHIL



Further Calculus for Engineer (MAT480) adalah salah satu kod kursus matematik yang perlu diambil oleh pelajar Kolej Kejuruteraan Awam di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Pada semester Oktober 2022 – Februari 2023, 30% pelajar telah gagal kursus ini. Oleh itu, bagi memastikan pelajar pada semester Mac 2023 – Ogos 2023 mendapat keputusan yang baik, satu program yang dinamakan Boost Up Your Mathematical Skills Workshop yang melibatkan tujuh orang pensyarah Jabatan Sains Komputer dan Matematik dan 132 pelajar telah diadakan sepanjang tiga minggu pertama kuliah. Program Boost Up Your Mathematical Skills Workshop ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran matematik pelajar dan memperkukuhkan asas mereka dalam subjek MAT480.



Program Boost Up Your Mathematical Skills Workshop ini dijalankan selama tiga minggu pada semester Mac 2023 – Ogos 2023. Program ini melibatkan tujuh orang fasilitator yang terdiri daripada Puan Rafizah Kechil, Puan Sharifah Sarimah Syed Abdullah, Cik Nur Azimah Idris, Puan Noor Azizah Mazeni, Puan Mahanim Omar, Puan Chew Yee Ming dan Encik Mohd Syafiq Abdul Rahman. Program ini mendapat peruntukan RM150 daripada Tabung Amanah Pembangunan Akademik (TAPA). Oleh kerana bengkel diadakan dalam bulan Ramadhan, fasilitator berbesar hati menyumbang RM595 untuk membeli juadah berbuka puasa kepada pelajar.

Minggu pertama:

Pada minggu pertama, pelajar diberi pretest untuk menguji kemahiran mereka dalam topik-topik yang pernah mereka pelajari di peringkat sebelumnya. Pilihan topik, mengambilkira keperluan kegunaannya dalam subjek ini.



Minggu kedua:

Pada minggu kedua, pelajar diminta menonton video berkaitan topik subjek ini untuk meningkatkan kemahiran mereka. Pelajar juga diberi soalan untuk dibincangkan di dalam kumpulan-kumpulan kecil. Pada akhir minggu kedua iaitu pada 31 Mac 2023, seramai 103 pelajar yang hadir ke bengkel diminta membentangkan penyelesaian soalan kepada rakan-rakan dan juga fasilitator yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah matematik. Dalam sesi perbentangan ini, pembelajaran dua hala berlaku, pelajar boleh bertanya kepada rakan mereka jika tidak faham dan dengan bantuan fasilitator, kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dapat dibetulkan.



Minggu ketiga:

Pada minggu ketiga, pelajar diminta menjawab posttest bagi mengukur kemajuan mereka sepanjang program dijalankan.

Diharapkan program ini dapat membantu pelajar untuk lebih yakin semasa mempelajari subjek MAT480.



PROGRAM JALINAN KASIH BERSAMA PERSATUAN SAHABAT KANAK-KANAK KANSER WILAYAH UTARA (FOCCAN) 2023



Siti Asmah Binti Mohamed

Pada 9 Jun 2023, telah berlangsungnya program khidmat masyarakat bagi tahun 2023 di bawah anjuran Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM) yang bertemakan jalinan kasih. Program jalinan kasih ini merupakan program khas bersama Persatuan Sahabat Kanak-kanak Kanser Wilayah Utara (FOCCAN). Kanak-kanak yang telah didiagnosis menghidap penyakit kanser ini dipilih daripada Friend Of Childhood Cancer Northern-M (FOCCAN) iaitu sebuah persatuan sahabat kanak-kanak kanser Wilayah Utara yang ditubuhkan khas bagi memberi sokongan kepada keluarga serta kanak-kanak penghidap kanser. Program jalinan kasih bersama kanak-kanak kanser ini julung kali diadakan oleh warga JSKM bersama beberapa staf dari perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Cawangan Pulau Pinang. Berkonsepkan “fun day”, perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah dipilih sebagai lokasi program. Program ini antara lain turut dimeriahkan dengan kehadiran badut dan maskot Mickey dan Minnie Mouse sebagai memenuhi gimik perasmian, aktiviti-aktiviti serta sesi bergambar.

Program jalinan kasih telah dirasmikan oleh yang Berbahagia Tuan Rektor Prof. Ir. Dr. Hj. Ahmad Rashidy Razali serta dihadiri oleh Yang Berbahagia Timbalan Rektor bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni iaitu Prof. Madya Ts. Dr. Kay Dora Abd Ghani dan juga koordinator jabatan, Ts. Dr. Rozita Kadar.



Seramai 20 orang kanak-kanak penghidap kanser dalam lingkungan tiga hingga 15 tahun ditemani penjaga masing-masing telah diundang ke program ini. Mereka yang terlibat dipilih sendiri oleh pengerusi persatuan FOCCAN iaitu Puan Maznah Tayib dengan diiringi beberapa ahli jawatan kuasa persatuan FOCCAN. Program ini bermula seawal lapan pagi dan tamat pada pukul dua belas tengah hari. Antara acara yang diadakan sepanjang berlangsungnya program jalinan kasih termasuklah aktiviti bersama badut iaitu permainan secara berkumpulan, persembahan magik dan aktiviti mengubah belon pelbagai bentuk. Permainan interaktif komputer turut disediakan oleh ahli jawatan kuasa penganjur program bagi menarik minat kanak-kanak dalam bidang teknologi komputer.

Objektif utama program ini diadakan adalah bagi merai dan menyantuni kanak-kanak kanser yang sedang berjuang melawan penyakit masing-masing. Pelbagai pengisian aktiviti yang menyeronokkan dilakukan bersama-sama kanak-kanak penghidap kanser dengan harapan dapat menggembirakan hati mereka disamping menyuntik semangat kanak-kanak ini dan penjaga ke arah menjalani kehidupan yang lebih sihat dan positif. Program ini juga merupakan salah satu usaha dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM) untuk mendekati masyarakat yang kurang bernasib baik seperti pesakit kanser. Pada masa yang sama, program ini juga merupakan salah satu KPI (Key Performance Indicator) jabatan bagi memenuhi perancangan strategik JSKM 2023.



Program khidmat masyarakat yang berkonsepkan “fun day” ini bertumpu kepada usaha menceriakan, mengembirakan serta berkongsi rezeki bersama kanak-kanak FOCCAN. Hasilnya, kanak-kanak FOCCAN sentiasa ceria dan gembira sepanjang aktiviti berlangsung. Semangat wira kecil yang ditunjukkan kanak-kanak ini juga amat luar biasa kerana mereka begitu positif dan bersemangat tinggi dalam melakukan pelbagai aktiviti menarik. Mereka petah berbicara, bergerak dengan aktif, ceria bergurau dengan keluarga, rakan sebaya serta mesra bergaul dengan jawatan kuasa penganjur program. Selain itu, program ini juga secara tidak langsung telah mewujudkan jalinan hubungan silaturahim antara warga JSKM khususnya dengan penjaga kanak-kanak kanser serta sesama ahli jawatan kuasa persatuan FOCCAN. Program jalinan kasih ini merupakan usaha terbaik warga JSKM dalam mendekati dan berkhidmat untuk masyarakat yang memerlukan di samping membina ukhuwah dengan pihak-pihak yang lain.

Secara keseluruhannya, program jalinan kasih yang dijalankan di UiTM Cawangan Pulau Pinang telah memenuhi keseluruhan objektif program. Program ini diperhatikan memberi impak yang memberangsangkan terhadap semua peserta khususnya kanak-kanak penghidap kanser, para penjaga, persatuan FOCCAN, termasuklah warga UiTM sendiri. Kanak-kanak juga amat teruja apabila dapat merasai suasana di dalam perpustakaan di universiti dan turut berbesar hati ketika diberikan pelbagai hadiah dan cenderahati. Mereka juga amat gembira ketika disajikan dengan aneka makanan seperti ais krim, bertih jagung, Mc'D Happy Meal disamping menerima hiburan oleh maskot dan badut yang didatangkan khas bagi program ini.

Selain daripada itu, sumbangan wang bernilai Tujuh Ribu Ringgit hasil kutipan sumbangan daripada warga UiTM telah disalurkan khas kepada persatuan FOCCAN. Pemberian sumbangan tersebut bertujuan mengurangkan kos tanggungan penjaga seperti pembelian barangan keperluan asas khususnya susu, lampin pakai buang dan keperluan-keperluan lain. Hasil kutipan sumbangan wang daripada warga UiTM adalah satu tanda prihatin yang menunjukkan bahawa masih ada pihak yang mengambil peduli dan berkongsi kasih sayang dengan kanak-kanak penghidap kanser disamping memberi semangat kepada mereka bahawa penyakit yang mereka hidapi ini bukanlah halangan untuk mereka meneruskan kehidupan.

Semoga budaya peduli dan prihatin dalam kalangan warga UiTM terus bercambah mekar dan memberi tauladan yang indah kepada setiap warganya. Kesimpulannya, program ini telah memberikan pengalaman dan pengetahuan baharu serta kesedaran mengenai penyakit kanser khususnya dalam kalangan kanak-kanak kepada pihak JSKM. Semoga segala sumbangan wang dan tenaga yang diusahakan dalam menjayakan program ini diberkati Allah.

FREE MARKET 5.0

#RAMADHANRAYA



Fuziatul Norsyihah Ahmad Shukri



“FREE MARKET 5.0 #RAMADHANRAYA” telah dianjurkan oleh Malaysian Academy of SME and Entrepreneurship Development (MASMED) UiTM Cawangan Pulau Pinang pada 10 dan 11 April 2023 yang lalu. Program ini adalah kesinambungan daripada Free Market 4.0 yang berlangsung pada bulan Januari yang lepas. Jabatan Sains Komputer (JSKM) tidak pernah melepaskan peluang untuk turut menyertai program ini seperti yang diminta oleh pihak MASMED bagi memeriahkan lagi program tersebut.

Program ini bertujuan untuk memberi sumbangan kepada pekerja pembersihan atau “cleaner” iaitu kebanyakannya adalah daripada golongan asnaf dan B40 serta kepada warga UiTM yang berminat. Konsep program ini adalah mengumpul barangan terpakai yang masih elok dan disumbangkan kepada yang berminat secara percuma.

Free Market 5.0 kali ini bertemakan RamadhanRaya kerana ia berlangsung pada bulan Ramadhan 1444H. Ini merupakan Free Market kali kedua yang berlangsung pada bulan Ramadhan. Oleh itu, ramai staf JSKM yang tidak melepaskan peluang untuk berkongsi rezeki dengan menyumbang barang-barang terpakai seperti pakaian, barang-barang hiasan, buku serta wang bagi membeli barang-barang makanan untuk diagihkan kepada para pelajar serta pekerja ‘cleaner’ yang ada. Secara tidak langsung, barang-barang yang disumbangkan boleh digunapakai untuk keperluan Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba.

Seramai lebih kurang 30 orang pekerja ‘cleaner’ serta para pelajar yang memperoleh manfaat daripada program ini. Diharapkan program khidmat masyarakat sebegini akan diteruskan lagi supaya dapat memberi peluang kepada seluruh warga UiTM untuk menjalinkan hubungan yang baik tanpa mengira pangkat mahupun darjat. Disamping itu, diharapkan juga aktiviti yang dijalankan dapat memupuk rasa kasih sayang sesama insan dan sifat suka membantu antara satu sama lain.



**DR NOR HANIM ABD RAHMAN &
SITI NURLEENA ABU MANSOR**

PROGRAM KHIDMAT SOSIAL PERPUSTAKAAN MINI DI MAAHAD RIYADHIL QURAN (MRIQ), KG. KUALA SIN, BUKIT SELAMBAU, KEDAH DARUL AMAN

Tanggal 12 Mei 2023, Jabatan Sains Komputer dan Matematik, UiTM Cawangan Pulau Pinang telah Berjaya menganjurkan program khidmat sosial perpustakaan mini di Maahad (Tahfiz) Riyadhil Quran, Sungai Petani. Memandangkan MRIQ merupakan sekolah tahfiz tanpa melibatkan matapelajaran akademik STEM sepanjang tempoh tiga tahun hafazan, maka program ini dianjurkan bagi memenuhi ruang tersebut. Program 'mini-library' ini merupakan usaha JSKM membuat pengumpulan buku-buku ilmiah yang bersesuaian dengan kurikulum terkini sekolah menengah rendah kebangsaan (Tingkatan 1 hingga 3).

lanya sebagai persediaan pelajar-pelajar tahfiz ini mempersiapkan diri dengan asas subjek-subjek STEM selepas tempoh menghafaz Al-Quran semalam tiga tahun tersebut. Pada masa yang sama, program ini merupakan kesinambungan program GEMS Bersama MRIQ yang telah diadakan pada 13-15 Oktober, 2022 yang lalu.

Program ilmiah ini melibatkan 10 staf JSKM yang terdiri daripada Dr. Nor Hanim Abd Rahman, Siti Nurleena Abu Mansor, Norshuhada Samsudin, Farah Hayati Mustapa, Siti Mariam Saad, Mahanim Omar, Noor 'Aina Abdul

Razak, Syarul Heiry Yahaya, Ahmad Rashidi Azudin, serta Ts. Dr. Hj. Rozita Kadar selaku penasihat.


Maka objektif utama program ini adalah menyediakan perpustakaan mini melibatkan pengumpulan bahan-bahan rujukan dan ilmiah sebagai persiapan asas bagi pelajar-pelajar tahfiz untuk subjek STEM terutamanya matematik, dan menghulurkan sedikit sumbangan hari- raya kepada penghuni tahfiz yang majoritinya terdiri daripada keluarga asnaf. Ia juga serta mendidik staf JSKM sifat empati dan keperhatian terhadap keperluan masyarakat sekeliling. Program yang dijalankan ini juga adalah bagi memenuhi KPI jabatan serta SDG (Education Enhancement).

Alhamdulillah dengan usaha ramai pihak, 300 buah buku telah berjaya dikumpul dalam masa 2 minggu dan disumbangkan kepada pihak Maahad. Dengan program sebegini, diharapkan mendapat manfaat dan barakah untuk semua.



Foto kenangan perwakilan dari JSKM, UITMCPB Bersama Mudir dan Pegawai MRIQ, Ustaz Hazwan dan En. Wan Mohd Hanis.

SEMINAR BASIC CODING CSC128



AZLINA BINTI MOHD MYDIN & WAN ANISHA WAN
MOHAMMAD

Persatuan Kelab iMechy dari Kolej Pengajian Kejuruteraan Mekanikal, UiTM Cawangan Pulau Pinang mengadakan satu seminar untuk membantu para pelajar fakultinya untuk memberi pendedahkan kepada persiapan peperiksaan akhir. Antara tujuan utama seminar ini adalah memberi tips-tips menjawabsoalan peperiksaan akhir CSC128.



Seramai 60 orang pelajar yang hadir ke seminar ini pada 8 Julai 2023, didewan seminar dari pukul 2.30 hingga 5 petang. Dua orang pensyarah dari Jabatan Sains Komputer Dan Matematik, UiTM Cawangan Pulau Pinang dijemput untuk menjadi penceramah untuk seminar ini. Penceramahny adalah Puan Azlina Binti Mohd Mydin dan Puan Wan Anisha Binti Wan Mohammad merupakan pensyarah Sains Komputer yang berpengalaman dan mengajar CSC128. Sesi seminar ini dibahagikan kepada 2 slot mengikut topik pembentangan oleh penceramah. Topik-topik yang dibentangkan oleh penceramah adalah Algorithm & Control Structure dan Tips for Final Exam. Para pelajar sangat bersemangat dan memberi maklumbalas yang positif sepanjang sesi seminar.



STEM: LET'S LEARN INTERACTIVELY 2023

AZLINA BINTI MOHD MYDIN



Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM), UiTM Cawangan Pulau Pinang mengadakan satu program kerjasama dengan SMK Tasek Gelugor. Program kerjasama "Stem: Let's Learn Interactively 2023" ini merupakan salah satu aktiviti CSSR yang dijalankan oleh warga JSKM. Seramai 37 org pelajar PPKI, 6 orang cikgu dan 14 orang fasilitator dari UiTM Cawangan Pulau Pinang yang terlibat dalam program STEM 2023 tahun ini.

Murid-murid telah dipecahkan kepada 6 kumpulan untuk memastikan dan memudahkan perjalanan aktiviti seperti yang dirancang. Terdapat 6 aktiviti yang dijalankan mengikut kemampuan pelajar-pelajar tersebut. Setiap aktiviti ini menggunakan produk inovasi yang diguna pakai untuk pembelajaran. Semua aktiviti ini adalah aktiviti pembelajaran sambil bermain. Ini adalah bertujuan untuk menarik minat pelajar PPKI terhadap pelajaran.



Kesemua permainan ini adalah produk inovasi dalam pembelajaran yang boleh diguna pakai oleh para pelajar tersebut. Program STEM yang dijalankan ini diharapkan dapat meningkatkan pengetahuan dan pengalaman staf JSKM, UiTM Cawangan Pulau Pinang disamping dapat menjalinkan hubungan komuniti bersama pihak sekolah. Dengan adanya program sebegini, staf dapat berkongsi kepakaran mereka bersama-sama murid-murid PPKI di SMK TASEK GELUGOR.

Murid-murid pula dapat memperoleh dan menambah ilmu berkaitan teknologi. Mereka juga dapat mengukuhkan perkembangan sosial bersama masyarakat di luar sekolah dalam norma baharu. Diharapkan dengan berjalannya program ini, ilmu pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh para staf dapat diguna pakai dalam kehidupan seharian dan kemajuan kerjaya.

PERKONGSIAN

02



WISHES IN ENGLISH VS. ARABIC

ELLY JOHANA JOHAN & AZLINA MOHD MYDIN

ENGLISH

ARABIC

Hello

Assalamualaikum

Okay

InsyaAllah

Bye

Fi Amannillah

Fine

Alhamdulillah

Great

Subhanallah

Thanks

Jazakallahukhair



KOLCA

Kuih Tradisional

Azlina Mohd Mydin & Rafizah Kechil

KOLCA

Kuih Tradisional

Bahan-Bahan

- 600g tepung gandum (yang telah diayak)
- 150g tepung kek (yang telah diayak)
- 150g tepung suji (yang telah digoreng)
- 150g gula kastor
- 5 biji telur
- 1 sudu besar mentega (yang telah dicairkan)
- Sedikit garam, serbuk jintan manis dan esen vanilla
- santan 3 sudu
- minyak (untuk menggoreng)

Cara penyediaan:

- Pukul telur sehingga kembang dan masukan gula kastor dan pastikan adunan sebati.
- Masukan kesemua tepung yang disatukan secara selang seli dalam adunan telur tadi.
- Masukan bahan lain seperti esen vanilla dan santan sedikit-demi sedikit.
- Gaulkan kesemua bahan dan uli sehingga menjadi doh.
- Canai dan terap dengan acuan mengikut bentuk yang dikehendaki.
- Panaskan minyak dan goreng sehingga keperangan.



BY ROSA MARIA AGUADO
PHOTOGRAPHY BY HANNAH MORALES

EGYPT TRIPS



3 Cities, 5 Days and 4 Nights

By Farah Hayati Mustapa

There was not much preparation needed for this trip because the itinerary was arranged by our tour guide. We only suggested some destinations that we would like to stop by.

The trip members included me, my husband, Syed, my colleague, Kak Aina, and her husband, Mr. Azhar. Our flight took off from Kuala Lumpur International Airport on 26th August 2023 at 7.30 p.m. We arrived in Dubai at 10.10 p.m. and we had almost 10 hours before our next flight. During the layover, we rode a taxi for sightseeing in Dubai Downtown to discover the Burj Khalifah, the tallest building in the world. Not only that, but we also got to see Dubai Mall, Burj Al-Arab and Dubai Museum of the Future.

The next morning, we departed for Cairo at 8.15 a.m. Alhamdulillah, we arrived at Cairo International Airport at 11 a.m. We were welcomed by our tour guide, Ustaz Fauzan, a medical student from Al-Azhar University, Cairo. For the readers information, Malaysia is 4 hours ahead of Egypt and during this trip, Egypt was in the summer.


We were then having our lunch at Restoran Malaysia GH Corner. After that, we, along with another Al-Azhar University student, Ustaz Amir, went to Darrasah area to visit Al-Azhar Mosque and Saidina Hussein Mosque and his tomb.

We also visited Saiyidah Fatimah binti Hassan's and her daughter, Saiyidah Fatimah Ummul Ghulam's tombs, who were the granddaughter and grand-granddaughter of Rasulullah S.A.W, respectively.

Our next destination was Sultan Salahuddin Al-Ayyubi Citadel. There was two, side by side, mosques in the citadel, Muhammad Ali Pasha Mosque

and Al Nasir Muhammad ibn Qalaun Mosque. Moreover, there was a Police Museum and old prison cells. We hadn't had good time to spend in the citadel since we arrived about an hour before its closing time.

After that, we passed by Saiyidah Nafisah's Mosque. She was also a grand-granddaughter of Rasulullah S.A.W and one of the teachers of Imam As-Syafiei. During our visit, the mosque was only opened for the funeral prayer. Then, we visited Al-Imam Waqi' tomb, who is also one of Imam As-Syafiei's teachers. Next, we visited Imam As-Syafiei Mosque and his tomb. The mosque was built after Imam As-Syafiei's death.



After that, we, along with another Al-Azhar University student, Ustaz Amir, went to Darrasah area to visit Al-Azhar Mosque and Saidina Hussein Mosque and his tomb.





At 5.30 p.m. we went to the Cairo Tower. After purchasing the entry tickets, since the queue took forever, we decided to ride a felucca on the Nile River first. Felucca is a traditional sailing boat, able to board 10 passengers at a time, using fully wind energy to move. The ride took 30 minutes only.



After that, we returned to the Cairo Tower to discover the night views of Cairo City and Nile River from the 66-levels' building. Then, we were having 'nasi Arab' for our dinner at Hadrramout Almassar restaurant. After that, we went to our hotel at Wisma Pahang. Wisma Pahang was the residential area provided for the Al-Azhar University students who originated from Pahang. There were many other designated residential areas for students from other states of Malaysia.



Pyramids of Giza



Pyramid of Khafre

On the next morning, our tour guide bought 'aish' bread and falafel, the traditional Egyptian food for our breakfast. There are a few of the fillings we can choose from to put into the 'aish' bread. We stopped by the Rumah Kedah Café at Hadiqah Lotus to have some drinks.

After that, we continued our journey to visit pyramids in Giza. There are 3 huge pyramids, namely Khufu, Khafre and Menkaure, and a few of small pyramids.

The biggest one is the Pyramid of Khufu. It was built by Khufu, the second king of Egypt's fourth dynasty almost 5 millennia ago. We had the opportunity to enter the Khufu's Pyramid. Lastly, we went to the Sphinx monument, in front of the pyramids area. Sphinx was a statue with a woman's head and a lion's body.

After we spent more than a half day in visiting the Giza's pyramids and Sphinx, we went to the new Ancient Egyptian Museum.

Unfortunately, the ticketing counter was already closed at 4 p.m. even though the museum's visiting hours was until 5.30 p.m. Therefore, we came back to the town and had our late lunch at El-Genany, a Damascus restaurant. After the maghrib prayer, we went to Khan El-Khalili, a famous souk in Cairo, next to Saidina Hussein Mosque, for window shopping. Later, we had some drinks at El-Fishawy Cafe, the oldest coffee shop in Khan El-Khalili souk.



On the third day, we were having our breakfast at a Thai restaurant first, before we went to the Ancient Egyptian Museum and the National Egyptian Museum. After that, we continued our journey to Alexandria City, which is 2 hours and a half ride from Cairo. Once we arrived in Alexandria, we were having our late lunch at a fish restaurant to taste the Mediterranean seafood. The food was fantastic. Then, we stopped by at Al-Imam Al-Busiri Mosque, next to Abu Al-Abbas Al-mursi Mosque, to perform prayer.

The Qasidah Burdah is an Arabic poem honouring the Prophet Muhammad S.A.W, composed by Al-Imam Al-Busiri.
https://youtu.be/WNPPBv_UXcQ?si=BxrKaNn7LyozOACQ

Here, I did notice that some mosques that I saw, located side by side, such as Sultan Hassan's and Rifaei Mosques in Cairo, also Muhammad Ali Pasha's and Al Nasir Muhammad ibn Qalaun Mosques in the Sultan Salahuddin Al-Ayyubi Citadel, in Cairo.

Next, we went for sightseeing along El-Gaish Road, near the seashore of the Mediterranean Sea. We had some ice cream before we hopped on and off the Alexandria red bus. We also had a chance to ride the blue line and yellow line trains, along the King Street-Old Town, Alexandria before we checked in our homestay for a night

In the next morning, we could see the famous Stanley Bridge of Alexandria from our homestay window. It was the first bridge in Egypt to be constructed over the sea.



Day 4



Citadel of Qaitbay



Library of Alexandria

The Citadel of Qaitbay, a world heritage site, was built by the Mamluk Sultan Qaitbay on the location of the legendary lighthouse, which was one of the Seven Wonders of the Ancient World.

We started our day 4 trip to the Citadel of Qaitbay, a world heritage site, located at the coast of the Egypt's Mediterranean. It was built by the Mamluk Sultan Qaitbay on the location of the legendary lighthouse, which was one of the Seven Wonders of the Ancient World. After that, we rode a traditional fishing boat at the side of the citadel.

We were having our breakfast at Nur Malaysia Restaurant before we paid a visit to the Library of Alexandria. Once we entered the ground floor of the library, we noticed that it was the 5th floor out of 11 floors of the building. There were 2.5 million of materials including books and 88 different languages materials in the library. The library can be seated by 2000 readers at a time. The architecture of the library was amazing.

Next, we went to Montaza Palace. The area of Montaza Palace was huge that they provided a buggy ride for the visitor, with some charges. Montaza Palace was used as a summer residence by King Farouk, the last king of Egypt. Ending our journey in Alexandria, we visited Prophet Daniel's Mosque and his tomb. Next to his tomb was Luqman Al-Hakim's tomb. Then, we had our seafood lunch before we went back to Cairo.

The first thing we saw in Fayyoun was Prophet Yusuf's water wheels. The water wheels watered plant fields from Nile River to Lake Fayyoun.



Day 5

The fifth day was our last day in Egypt. Accompanied by another student of Al-Azhar University, Ustaz Arif, we went to Fayoum City, an hour and a half ride from Cairo. The name Fayoum originated from Alfu-Youm in Arabic which mean 1000 days. Before entering the city, at some check point, our vehicle, as well as other vehicles, was checked by the policeman. In some protected area in Egypt, the visitors needed to be escorted by the police to the attractions. The first thing we saw in Fayoum was Prophet Yusuf's water wheels. The water wheels watered plant fields from Nile River to Lake Fayyoun. The biggest water wheel was in the middle of Fayoum City.

Next, we went to Lake Qarun. The lake's water was quite smelly and fishy. We then reached Qarun's Palace. It was a cube building in the middle of oasis. There was a guide that explained to us about Qarun's story from the Quran. After that, we stopped by at Arkan Tunis restaurant to have our lunch. I wondered if the tilapia fish dish we ordered was from the Lake Qarun. Our last destination in Fayyoun was Wadi El-Rayyan. There was the one and only waterfall in Egypt, in the midst of the desert. Later in the evening, we went back to Cairo, and stopped by Khan El-Khalili souk for the last shopping spree before we were sent to the airport. That was the end of our beautiful trip. Of course, there is a lot more attractions and cities in Egypt to be explored.

Tips!

Some tips from me,

1. avoid a long hour's night layover in Dubai because all the attractions were closed at 10 p.m.
2. for asthmatic person like me and those who suffer from claustrophobia, not be encouraged to enter the Khufu's pyramid because of its tight spaces, ascending passage, and the lack of ventilation.
3. if you short of time and must choose between the two museums, it's better to visit the National Egyptian Museum.






Musafir Haji

(Bahagian Akhir)

Noor Aina Abdul Razak



**13 Zulhijjah
1424H - Hari ini
hari terakhir di
tanah Mina.
Keadaan terasa
sedikit lengang
kerana ramai
jemaah dari
negara lain
melakukan Nafar**

Awal, yakni tidak menunggu hingga hari 13 Zulhijjah. Mereka telah balik ke Mekah utk menyelesaikan ibadah haji - tawaf ifadah dan saie. Bagi jemaah Malaysia, pagi ini ialah hari terakhir melontar ketiga-tiga jamrah. Selepas solat subuh, terus ke jamrah kerana bas akan datang pukul 8am untuk mengambil para jemaah balik ke Mekah. Memang kena bersegera. Apabila tiba di khemah lepas melontar, kami sempat meronda sekejap. Sambil mencuci mata sambil makan aiskrim yang dikatakan sangat sedap itu.

Teringat malam mula-mula tiba di sini lepas balik dari melontar. Aku nampak pakcik tu ada 2 aiskrim kon. Aku cakap pada Kak Aziah. "Eh..ada aiskrim la. Mana dia beli?" Dan pakcik tu (tak la tua sangat, boleh panggil abang pun, hehehe) menoleh kepada aku.. "Nah ambil aiskrim ni." Eh. Tiba-tiba terasa malu pula aku. "Ambil la. Saya beli untuk isteri satu. Dia hilang ke mana ntah. Ambil." Aku pun apa lagi, dengan muka selambanya ambil juga. Terima kasih pakcik.. Rezeki aku malam tu.

Sesudah meronda, makan aiskrim dan balik ke khemah, aku baru perasan kiriman sms Kak Aziah memberitahu bas kami dah lama tiba. Makanya, kelim kabut mengambil barang dan menunggu di pintu depan. Bas sudah pergi. Terpaksa menunggu bas yang lain yang diarahkan oleh pihak TH. Semuanya akan ke Mekah, tiada yang ke Malaysia hahaha. Alhamdulillah. Perjalanan 30 minit balik ke Mekah berjalan lancar. Syukur padaMu Ya Allah.

Sesungguhnya buat aku. Arafah, Muzdalifah dan Mina adalah pengalaman yang paling berharga sepanjang mengerjakan haji. Walaupun suasana sesak, padat, rimas, kekurangan tandas, panas dan macam-macam lagi, tapi itulah memori paling manis. Nak ulang semula pun aku sanggup tapi entah bila? Hanya musim haji sahaja boleh melalui semua itu. Giliran kedua? Hanya Allah yang Maha Mengetahui dan Mengizinkan. Ya Allah. Ampunkan dosa-dosa kami. Terimalah ibadah haji kami. Kurniakan kami haji yg mabrur. Amin.



Coretan

1

Aku datang dengan sandal Asadi. Selepas haji, jari-jariku sakit semuanya, kerana berjalan setiap hari (macam lagu pula). Aku beli selipar jepun SR5/SR10. Tapi tidak sesuai kerana tapak kaki akan cepat panas bila berjalan di laluan bertar setiap hari. Jadi balik ke Asadi. Selipar jepun buat pakai dalam kawasan hotel, kemudian tinggalkan untuk sesiapa guna. Semoga bermanfaat.



2

Lihat susunan marmar di Safa. Setiap petak menghadap Kaabah dan memang muat untuk seorang jemaah. Tetapi masih ada jemaah yang arah kiblatnya terpesong sedikit. Silap percaturan atau tidak sedar? Allahuakbar. Safa-Marwah. Ya Allah, jika ada sedikit kebaikan yang aku kerjakan ketika berada di sini, kau kurniakanlah aku pahala, buatku dan ibu bapaku. Kau perkenankanlah doa-doaiku, Ya Allah. Ampunkan dosa-dosaku, keluargaku, kedua ibubapaku serta saudara Islamku.






3

Restoran D'Saji Malaysia yang terletak dalam Safa Tower. Menjadi tumpuan jemaah kita yang rindukan masakan Malaysia. Rasanya aku ke sini dalam 3 kali saja sepanjang sebulan lebih di Mekah. Bukan tidak suka tetapi pihak TH sudah sediakan makanan. Kenapa nak membazir?

4


Laluan Saie di tingkat tiga dan ground level. Dua kali saja kami ke ground level, untuk melihat kaki bukit Safa dan Marwah. Di sini juga kami bertemu dua jemaah warga emas Malaysia yang mencari-cari jalan keluar. Kesian makcik-makcik ni. Datang dengan kawan-kawan, tapi terpisah semasa hendak balik. Terus tersesat di sini. "Mai kami bawa keluag makcik." Allahuakabar. Tak tahu pula seorang daripada mereka tidak pernah naik escalator! Jatuh dia. Ribut sekejap di escalator ke tingkat satu. "Pegang tangan kami makcik. Insyallah, makcik tak jatuh. Kami jaga." Alhamdulillah, tiba di atas mereka sudah kenal jalan pulang.



5

Sudah selesai musim haji. Masih berbaki 2 minggu sebelum bertolak ke Madinah. Sahabat aku, Kayna membawa kami meronda ke Souq. Kawasan untuk membeli belah sakan. Tetapi harga boleh tahan mahalnyanya. Sekadar mencuci mata, kemudian kami terus ke restoren yang tak serupa restoran di Malaysia, hahahaha. Sunyi macam tak berpenghuni. Kubikel-kubikel ada untuk lelaki sahaja, wanita sahaja dan juga untuk keluarga. Tertutup untuk privasi.





6

27 Zulhijjah 1434H bersamaan 1 November 2013. Impian selama ini terlaksana. Jabal Nur bakal didaki. Usai solat magrib di masjid di kaki bukit, kami memulakan pendakian. Laju si Taufiq (anak Kayna) dan Majeed (suaminya) mendaki. Kayna menunggu di bawah bersama anak kecilnya, Safa. Turut serta bersama kami, sahabat Kayna iaitu Kak Inah dan suaminya (sarat dengan cerita dan pengalaman menaiki kapal Manimara yang ditahan ketika ke Gaza). Laluan mendaki sudah ada anak-anak tangga yang dibina oleh puak Pakistan dan sewaktu dengannya. Fisabilillah kata mereka dengan mengharapkan derma dari para pendaki untuk membeli bahan-bahan binaan.

Alhamdulillah, tiba dipuncak, dengan bilangan hentian yang tak terkira kerana keletihan dan kurang stamina. Never give up sebab wanita-wanita tua dan berbadan besar dari India dan Pakistan mampu melakukannya. Aku mesti boleh! Kami tiba di puncak ketika waktu Isyak.. Sejam juga memanjat. Ada ruang terbuka utk solat di sini, terutama bagi lelaki. Menghadap Baitullah nun sana amat mengasyikkan.

Jangan tak tahu. Di puncak ini juga ada gerai teh tarik! Letih memanjat, boleh rehat sekejap. Guanya belum jumpa. Dari puncak, perlu turun tepi bukit dalam 25m untuk sampai ke lorong masuk ke gua. Kalau gayat, tak tahulah.




Ruang yg amat sempit utk ke pintu gua. Kempiskan perut, lentok sikit badan. Memang sempit, muat-muat saja. Masyaallah. Subhanallah. Allahuakbar. Terbayang bagaimana Rasulullah dahulu bersusah-payah ke sini dan menerima wahyu pertama di sini.

Akhirnya. Di pintu Gua Hira. Masa ni ramai jemaah Indonesia. Mereka mengaminkan doa ketua mereka, hampir 20 minit. Lepas tu diminta pula setiap orang 5 minit! Tamat 5 minit, ada pula solat dalam gua! Sedangkan di kaki bukit sudah ada papan tanda menyatakan jangan amalkan perkara bidaah di sini. Ini bukan tempat mustajab berdoa. Wallahualam

Ketika menuruni bukit, memang tidak seteruk mendaki, tetapi banyak juga aku berhenti. Lenguh lutut, sakit urat betis. Seminggu baru hilang. Teman sebilik kata cari penyakit! Penyakit pun penyakitlah. Sekurang-kurangnya aku telah jejak ke tempat di mana Rasulullah menerima wahyu pertama!

Di kaki bukit, jom 'ngeteh' dulu sementara menunggu Kayna tiba. Kayna kata kali ni kita makan makanan yang betul-betul Arab. Alhamdulillah, rezeki lepas penat mendaki. Terima kasih Kayna dan Majeed kerana banyak menolong dan melayan kami. Hanya Allah yang dapat membalasnya.

Dua hari selepas itu, kami bertolak ke Madinah untuk menziarahi Rasulullah. Berulang alik ke Masjid Nabawi, singgah tawaf kedai-kedai berhampiran sambil menghabiskan duit. Syukur, Alhamdulillah. 13 November 2013, maktab 90 selamat tiba ke tanah air membawa sejuta kenangan.



**Penyakit pun
penyakitlah.
Sekurang-
kurangnya aku
telah jejak ke
tempat di mana
Rasulullah
menerima
wahyu pertama!**





SERIKANDI ISLAM: 'ATIKAH BINTI ZAID, ISTERI PARA SYUHADA

Farah Hayati Mustapa

Saidatina 'Atikah Binti Zaid ibn Amr ibn Naufal r.a. adalah adik kepada Sa'id ibn Zaid, salah seorang sahabat Rasulullah S.A.W yang dijamin masuk syurga. Beliau juga adalah sepupu kepada Saidina Umar ibn Al-Khattab dari susur galur sebelah bapanya. Saidatina 'Atikah digambarkan sebagai seorang serikandi Islam yang cantik, fasih berbicara, bijak berpuisi dan taat kepada Allah dan Rasul S.A.W. Beliau telah berkahwin sebanyak lima kali sepanjang hidupnya. Semua suaminya telah mati syahid.

Suaminya yang pertama ialah Abdullah ibn Abu Bakar As-Siddiq r.a. Abdullah syahid oleh anak panah yang mengenainya dalam Perang Thoif pada bulan Syawal tahun ke 8 Hijrah, selepas Perang Hawazin.

Suaminya yang kedua ialah Zaid ibn Al-Khattab, abang kepada Umar ibn Al-Khattab dan Fatimah Binti Al-Khattab. Zaid ibn Al-Khattab syahid dalam Perang Yamamah pada tahun ke 12 Hijrah. Pertempuran yang terjadi di Yamamah ini melibatkan pasukan Khalifah Abu Bakar As-siddiq melawan nabi palsu iaitu Musailamah Al-Kazzab dan orang-orang yang murtad. Peperangan ini berakhir dengan kemenangan pihak Abu Bakar As-siddiq.

Kemudian beliau berkahwin pula dengan Saidina Umar ibn Al-Khattab, adik kepada Zaid ibn Al-Khattab. Saidina Umar Al-Khattab juga salah seorang sahabat Rasulullah S.A.W yang dijamin masuk syurga. Mereka dikurniakan seorang putera bernama 'Iyad ibn Umar ibn Al-Khattab.

Pada suatu ketika telah datang kepada Saidina Umar bin Khattab r.a., wangian kasturi dan minyak 'ambar dari Bahrain. Beliau menyatakan hasratnya untuk mencari seseorang yang mahir dalam menimbang, supaya dapat diagihkan wangian tersebut sama rata kepada kaum Muslimin. Pada kesempatan itu, Saidatina 'Atikah menawarkan diri untuk melakukan tugas tersebut kerana beliau mahir dalam menimbang. Walaubagaimanapun, Saidina Umar menyatakan kekhawatirannya bahawa wangian itu akan melekat di jari-jemari isterinya dan mungkin nanti Saidatina 'Atikah akan menyapu wangian itu pada lehernya sehingga menyebabkan beliau telah mengambil hak orang Islam yang lain. Lihatlah betapa berhati-hatinya seorang Umar bin Khattab dalam hal harta rakyatnya. Saidina Umar ibn Al-Khattab syahid kerana ditikam oleh Abu Lu'lu'ah ketika mengimamkan solat subuh di Masjid Nabawi pada 26 Zulhijjah tahun ke 23 hijrah.

Seterusnya, Saidatina Atikah berkahwin pula dengan Zubair ibn Awwam yang juga salah seorang sahabat Rasulullah S.A.W yang juga dijamin masuk syurga. Bersama dengan Khalid Al-Walid, mereka berdua sahaja yang berkeupayaan untuk berperang dengan dua pedang dalam satu masa, walaupun ketika berkuda. Ketika perang Jamal iaitu perang saudara pertama dalam Islam, antara pasukan Saidina Ali bin Abi Talib dan pasukan Saidatina Aisyah binti Abu Bakar As-Siddiq, yang dicetuskan oleh puak munafiqin, Saidina Zubair telah bertemu dengan Saidina Ali dan menyatakan pendiriannya bahawa beliau tidak lagi mahu berpihak kepada sesiapa dan akan berusaha mendamaikan kedua-dua pasukan tersebut. Beliau telah meninggalkan medan pertempuran tersebut dan pergi ke suatu tempat untuk bersolat. Beliau syahid dalam solatnya kerana telah ditikam oleh seorang pengintip iaitu Amr inb Jarmouz.

Suami beliau yang kelima ialah Saidina Hussain ibn Ali ibn Abi Talib, yang merupakan cucu baginda Rasulullah S.A.W. Saidina Hussain muda lebih 20 tahun daripada Saidatina 'Atikah. Beliau telah syahid, dalam suatu peristiwa paling tragis dalam sejarah, pada hari Asyura, 10 Muharram tahun ke 61 hijrah, dalam perang Karbala. Namun demikian, Saidina 'Atikah tidak menyaksikan kematian Saidina Hussain r.a kerana beliau telah wafat pada tahun ke 53 hijrah, ketika berumur 72 tahun.

MENARIK

YANG MUNGKIN KITA TAK TAHU

Fadzliwani Astifar Alias & Nurhafizah Ahmad

Rama-rama merasa makanannya dengan kaki dahulu sebelum menggunakan lidahnya kerana deria rasanya terletak pada kaki.




Seekor landak dewasa mempunyai 300,000 duri di badannya.



Kangaroo tidak boleh melompat jika ekornya tidak menyentuh bumi kerana ekornya bertindak seperti spring semasa melompat.




Air terjun tertinggi di dunia terletak di Venezuela, Amerika Selatan dengan ketinggian 988.31 meter.



Nama tempat yang paling singkat di dunia terletak di Perancis dan Jepun, iaitu 'Y' dan 'O'.





Lembu adalah haiwan yang buta warna. Oleh itu warna tidak memainkan peranan apa pun kerana tidak memberi kesan pada lembu.

Alexander Graham Bell adalah orang pertama yang menciptakan telefon tetapi dia tidak pernah menggunakan telefon untuk berhubung dengan ibu dan isterinya kerana kedua-duanya adalah pekak.



Pelangi terbentuk apabila matahari berada 40 darjah atau kurang di atas garis horizon.

'Rhythm' adalah perkataan yang paling panjang dalam bahasa inggeris tanpa huruf vokal.



Seekor kucing hanya melihat 2 warna sahaja iaitu hitam dan putih.




Apabila menghentam bumi, kilat membawa bersamanya kuasa elektrik setinggi 100 juta volt.



Nama bukit terpanjang terletak di New Zealand iaitu 'Taumataw hakatangi ihangakoau a teaturipukak pikimaugahoronukupokaiwhenuakitanatahu'.



HEBATNYA SEORANG IBU



Seorang wanita hebat yang bernama Mariam Nabatanzi berasal dari Uganda dikatakan sebagai wanita ter subur di dunia. Wanita yang merupakan penduduk asli Afrika Timur ini dikenali dengan nama Mama Uganda. Di usianya yang menginjak 41 tahun, beliau telah melahirkan 44 orang anak. Menurut Reuters, Mariam telah berkahwin sejak berusia 12 tahun. Beliau telah melahirkan 4 pasang anak kembar, 5 pasang kembar tiga, 5 pasang kembar empat dan hanya sekali sahaja melahirkan satu anak. Namun enam dari anaknya telah meninggal dunia. Doktor memberitahunya bahawa dia mempunyai saiz ovari yang luar biasa dan beliau didiagnosis memiliki kelainan genetik yang dikenali dengan istilah hiperovulasi iaitu melepaskan banyak sel telur dalam satu kitaran yang mana secara signifikannya ia meningkatkan kemungkinan memiliki banyak kelahiran.

Mariam diberitahu bahawa kaedah kawalan kehamilan tidak akan berfungsi terhadap dirinya, malah mungkin akan menyebabkan kesihatannya lebih merosot. Namun begitu, Mariam telah melakukan beberapa ujian dan rawatan tetapi semuanya gagal. Hiperovulasi boleh diubati tetapi rawatan tersebut agak sukar didapati di kawasan pedalaman di Uganda. Berkemungkinan faktor keturunan dan juga kecenderungan genetik menjadi punca kesuburan melampau pada Mariam. Sebenarnya kes seperti Mariam ini jarang terjadi namun sekiranya berlaku ia boleh mengakibatkan pelbagai komplikasi dan juga boleh membawa maut. Empat tahun yang lepas, setelah tersebarlynya berita tentang kisah hidup Mariam di dunia, sekumpulan doktor telah mengambil keputusan untuk melakukan pembedahan kepada Mariam dengan memberi sekatan pada tiub fallopio untuk mengelakkan ovum daripada disenyawakan.

Kini, Mariam membesarkan anak-anaknya seramai 38 orang yang terdiri dari 22 orang lelaki dan 18 orang perempuan seorang diri setelah ditinggalkan suaminya yang tidak bertanggungjawab. Beliau tinggal di empat buah rumah kecil bersama anak-anaknya dan melakukan apa sahaja pekerjaan untuk menyara kehidupannya bersama anak-anak. Mariam telah melakukan banyak pekerjaan sepanjang membesarkan anak-anaknya. Antaranya dia bekerja di kedai gunting rambut, membuat gubahan pentas di majlis-majlis, mengumpul dan menjual besi lama, menjual jamu dan bermacam-macam lagi pekerjaan yang telah dilakukannya.

Semuanya demi memberi makan kepada anak-anak, merawat anak-anak yang sakit, membeli pakaian dan pembiayaan sekolah anak-anaknya. Menurut anak sulungnya yang bernama Ivan Kibuka, 23 tahun, dia terpaksa berhenti sekolah demi membantu ibunya seperti memasak, membasuh baju dan menjaga adik-adiknya namun begitu ibu hebat tersebut masih memikul seluruh tanggungjawab untuk keluarga besar itu. Setiap hari, Mariam menggunakan 25 kg tepung jagung untuk memastikan anak-anaknya cukup makan.

Hebatnya seorang ibu ini walaupun mempunyai anak-anak yang ramai namun dia masih mengingati setiap seorang nama

anak-anaknya bahkan beliau sedar sekiranya seorang anak nya tiada pada penglihatan beliau. Begitulah hebatnya seorang ibu. Kini Mariam berharap agar anak-anaknya dapat hidup bahagia. Beliau berharap agar anak-anaknya berjaya dalam pelajaran dan mendapat pekerjaan yang baik agar dapat mengubah kehidupan mereka suatu hari nanti.

Begitulah hebatnya kuasa Allah terhadap seorang wanita yang dipanggil IBU.



Mariam menghidangkan makanan kepada anak-anaknya
Kredit foto : youtube bicara fakta




Mariam bersama sebahagian anak-anaknya dan anak sulungnya (kiri)
Kredit foto : www.alamy.com



Kehidupan Mariam bersama anak-anaknya

Kredit foto : <https://www.tuko.co.ke/>



DROPSHIP: JOM JANA PENDAPATAN TANPA MODAL TUNAI YANG BANYAK!

NOR HANIM ABD RAHMAN



Pengenalan dan Pengalaman

Pengalaman sebagai ejen dropship, ejen jualan-terus mahupun penjualan secara borong tidak mungkin mampu dicari-ganti. 'Priceless' bak kata pepatah. Bermula dengan sekadar minat atau hobi berniaga tapi tidak mampu untuk memberikan komitmen masa seratus-peratus, pilihan ini adalah pilihan terbaik atas alasan-alasan peribadi yang akan dikongsikan, Apakah pula yang dimaksudkan dengan 'Ejen dropship'? 'Ejen dropship' boleh didefinisikan sebagai 'orang tengah' yang perlu membuat promosi selalunya hanya secara online, berunding dan mengambil pesanan serta pembayaran daripada pembeli tanpa perlu menyimpan stok dan pengeposan kerana ini akan dilakukan terus oleh pihak dropshipper atau pembekal. Pilihan mana yang lebih menguntungkan dan selamat jika dibandingkan antara ejen dropship atau ejen direct-selling? Sekiranya bercerita berkaitan untung serta selamat, pengalaman peribadi saya akan memilih sebagai ejen dropship.

Kelebihan dan kelemahan sistem ejen dropship

Apakah kelebihan dan kelemahan sistem dropship ini? Setiap kaedah penjualan pastinya ada kekuatan dan kelemahan tersendiri. Kelebihan sistem dropship dari kacamata ejen antaranya adalah, pertama ianya tidak memerlukan modal awal kerana pembeli akan membuat pembayaran awal dan seterusnya agen akan membayar kepada pembekal dengan harga yang telah ditolakkan komisyen, contohnya harga retail RM100.00 untuk satu-satu item, dengan 15% komisyen, ejen hanya perlu membuat pemindahan bayaran kepada dropshipper sebanyak RM85.00 sahaja. Justera, keuntungan RM15.00 serta-merta. Keduanya, ejen tidak memerlukan ruang yang besar untuk menyimpan stok, hanya jika diperlukan sahaja. Ketiga, bahan pengiklanan asas disediakan oleh penjual asal dan agen digalakkan mengubah-suai presentation iklan untuk menarik pembeli kepada agen dropship tertentu. Ketiga, keselesaan mengiklan di mana-mana medium medsoc mengikut keselesaan agen sendiri, contohnya Facebook, Blogspot, WhatsApp, Telegram, TikTok, Twitter dan sebagainya. Keempat, sekiranya membeli dengan bilangan tertentu, akan mendapat peratus komisyen / keuntungan yang lebih tinggi.


Seterusnya kelemahan sistem dropship adalah seperti berikut pertamanya, agen sukar mengawal urusan penghantaran, dari segi masa dan stok terkini; keduanya, ejen hanya sekadar orang tengah, maka tiada kuasa mutlak atas barangan stok dan pengurusan; ketiga, masalah akan timbul sekiranya berlaku kerosakan mahupun kelewatan penghantaran, kehilangan barangan semasa pengeposan, urusan bayar-balik dan caj pengeposan. Ini menyukarkan urusan perbincangan kerana melibatkan tiga-penjuror dan keempat merupakan permasalahan terbesar dan perlu dihindari sekiranya penjual asal (dropshipper) menculus atau menipu, ini pastinya akan menyukarkan ejen memberikan penerangan kepada pembeli. Oleh itu, pemilihan 'Trusted Dropshipper' adalah sangat penting.



Konklusi dan cadangan

Penting untuk kita mengenal latar belakang penjual/pembekal stok, perlu juga diselidik sejarah keterlibatan dalam kes 'scam' atau penipuan. Seelok-eloknya, kita mengenali secara bersemuka pembekal stok terlibat, bagi mengurangkan kemungkinan ditipu di kemudian hari. Sebaiknya, kita mempunyai stok-tersedia sendiri barangan-barangan yang kita dropship-kan sekurang-kurangnya dua puluh item. Ini memberikan keyakinan yang lebih kepada pembeli untuk memilih, terutama bagi mereka yang inginkan stok segera atau ingin membeli secara terus dengan agen. Dengan menyimpan stok-tersedia, ianya juga memberikan ejen fleksibiliti dari segi strategi penjualan itu sendiri dan keyakinan kepada pembeli untuk mengurus niaga dengan kita sebagai salah seorang ejen dari berpuluh-puluh ejen yang lain. Akhirnya, disertakan foto-foto kenangan sebagai Ejen Dropship Baju renang Haleema Swimwears. Bermula seawal 2009 dan aktif beriklan di Facebook mulai 2011 sehingga 2017.

(<https://www.facebook.com/Muslimah-Nhar2-SwimwearsTudung-140221782753970>).



“ Selamat mencuba! Jadikan hobi sebagai penjana pendapatan sampingan anda!, ~drnhar ”



Diagnosis Kanser Apakah Tindakan Awal Anda?

Siti Asmah Mohamed

Diagnosis Kanser

Apabila seseorang penghidap kanser didiagnosis untuk pertama kali, sudah pasti pesakit tersebut akan mengalami gangguan emosi. Kebiasaannya, pesakit yang baru didiagnosis sering dibelenggu oleh emosi yang tidak stabil dan keadaan tersebut berupaya mempengaruhi perasaan dan minda pesakit. Jika anda didiagnosis menghidap kanser, anda tidak perlu menyembunyikan perasaan anda atau terlalu melayani emosi yang bercampur-baur. Adalah normal untuk merasa takut, risau, keliru atau diselubungi kecelaruan perasaan apabila menerima diagnosis kanser. Perkara ini adalah respon umum yang biasa dialami oleh pesakit kanser. Tetapi perkara yang penting adalah, anda perlu tahu bagaimana mengurus dan menangani gangguan emosi tersebut supaya tidak menjejaskan kesihatan mental dan fizikal anda.

Menerima Diagnosis

Kejutan

Kejutan merupakan reaksi pertama yang dialami oleh penghidap kanser setelah didiagnosis kanser dan disahkan oleh doktor. Biasanya, reaksi ini mengambil masa untuk reda bagi menyembunyikan perasaan dan respon terhadap situasi tersebut. Respon sebegini adalah sebahagian daripada perjalanan mendepani penyakit kanser dan anda perlu belajar untuk memahami keadaan serta mengurus perasaan dan respon tersebut. Sebilangan pesakit memerlukan sokongan keluarga dan berada di samping keluarga merupakan jalan terbaik untuk menangani gangguan perasaan. Namun begitu, ada juga pesakit yang memilih untuk bersendirian bagi meredakan kejutan dan menenangkan diri.

Ketakutan

Penghidap kanser juga tidak dapat lari daripada mengalami ketakutan setelah didiagnosis kanser. Berita mengenai diagnosis kanser sememangnya mendatangkan rasa takut dan kuarir memandangkan penyakit tersebut boleh membawa maut. Ketakutan yang dialami membawa kepada ketidakpastian tentang kehidupan mereka di masa akan datang. Ketakutan terhadap kematian, rawatan-rawatan serta keluarga dan orang yang tersayang menjadi ketakutan terbesar buat pesakit kanser. Perasaan takut ini adalah lazim saat anda didiagnosis kanser, terutama ketika pertama kali menjalani rawatan. Sudah pasti anda tidak tahu apa yang bakal berlaku dan mungkin belum bersedia untuk menghadapi penyakit tersebut. Walaupun demikian, dengan mengakui perasaan takut yang anda alami, anda akan mampu mengawal perasaan takut itu sendiri serta memudahkan anda untuk menguruskan penyakit kanser yang dihidapi. Maka anda mesti mengekalkan sikap dan fikiran yang positif supaya sentiasa mampu mengawal ketakutan. Tetapi, sekiranya anda terlalu dibelenggu rasa takut, segera dapatkan bantuan daripada pakar dan keluarga.





Tekanan

Penghidap kanser yang baru didiagnosis kanser biasanya akan menjadi tertekan dan reaksi ini turut terkesan kepada penjaga. Banyak persoalan yang muncul dan perlu diketahui oleh pesakit. Dalam hal ini, maklumat yang jelas dan terperinci boleh mengurangkan kerisauan dan rasa tertekan pesakit. Maka untuk menangani situasi ini, anda memerlukan pasukan kesihatan atau sistem sokongan yang baik dan tepat untuk membantu anda mendapatkan informasi mengenai penyakit anda. Rakan-rakan dan keluarga juga merupakan sistem sokongan terbaik dan bantuan serta keberadaan mereka di samping anda dapat mengurangkan beban tekanan yang anda hadapi.

Kesedihan

Emosi semula jadi yang dialami oleh pesakit kanser setelah didiagnosis kanser sudah pastilah perasaan sedih. Anda perlu memproses dan memahami perasaan ini untuk mencari jalan bagaimana untuk menghadapinya dengan tenang dan terkawal agar tidak berlarutan dan mengundang depresi. Anda harus memastikan diri anda sentiasa berada bersama keluarga dan orang tersayang kerana mereka dapat dianggap sebagai pembantu terbaik pada masa yang amat diperlukan ini. Jika kesedihan anda semakin tidak terkawal dan membuatkan anda menjadi depresi, segera dapatkan bantuan daripada ahli terapi atau kumpulan sokongan yang berwibawa. Jangan melawan kesedihan tersebut dan menghadapi depresi secara bersendirian kerana terdapat banyak bantuan di luar sana yang dapat mengawal beban emosi anda. Anda hanya perlu bertanya dan tahu di mana dan bagaimana untuk mendapatkan bantuan tersebut.

APAKAH TINDAKAN AWAL ANDA?



Anda perlu stabilkan harapan

Apakah saat ini anda sedang mengalami banyak kesulitan sehingga membuat anda kehilangan harapan? Meskipun kesulitan yang dialami terasa sangat membebankan diri, janganlah mudah berputus asa. Belajar untuk yakin bahawa seberat mana pun ujian dan cabaran yang dilalui, semuanya didatangkan oleh Allah SWT dengan kekuatan untuk kita menghadapinya. Ketahuilah, ujian itu boleh hadir dalam bentuk kesenangan mahupun musibah. Maka anda perlu berani untuk berdepan dengan apa jua cabaran.

Cabaran yang didatangkan kepada kita bukannya untuk melemahkan dan meresahkan, tetapi merupakan peluang serta ruang untuk kita menjadi insan yang lebih baik lagi. Oleh sebab itu, kita tiada pilihan lain melainkan sentiasa belajar perkara-perkara baharu dan bermanfaat.

Allah mengajarkan naratif tersebut kepada kita agar dapat menstabilkan harapan ketika menghadapi sesuatu ujian.

Firman Allah: *"Dan kami pasti akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa, dan buah-buahan. Dan sampaikanlah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar."* (Surah al-Baqarah, ayat 155).

Manusia diuji dengan pelbagai perkara oleh Allah dari semasa ke semasa dan itulah janji Allah. Allah SWT memberi ujian kepada hamba-Nya bukan kerana benci, tetapi ujian yang diberikan itu bertepatan dengan kemampuan orang tersebut. Mereka yang bersabar dengan ujian telah dijanjikan khabar gembira oleh-Nya.

Anda perlu yakin dengan janji Allah

Betapa sayangnya Allah kepada kita sehingga di dalam al-Quran diselitkan renungan motivasi supaya hamba-hamba-Nya tabah dalam menghadapi segala dugaan sebelum berpulang ke perhentian abadi.

Firman Allah: *"Mereka itulah yang mendapat keberkatan yang sempurna dan rahmat daripada Tuhan mereka dan mereka itulah orang-orang yang mendapat petunjuk."* (Surah al-Baqarah, ayat 157).

Di dalam firman ini, dengan jelas Allah menawarkan tiga ganjaran kepada orang yang lulus ujian dengan kesabaran dan keyakinan iaitu akan memperoleh keampunan, rahmat serta mendapat petunjuk. Segala ujian daripada Allah adalah untuk mendekatkan hamba-Nya kepada Pencipta. Percaya dan yakin bahawa ujian adalah tanda kasih sayang daripada Allah untuk kita mendapat hidayah-Nya yang seterusnya memimpin kita ke syurga.

Anda perlu dikelilingi orang-orang yang positif

Memiliki penjaga atau teman yang positif akan membantu anda untuk kembali menemui harapan baru. Bergaul dan dekatilah diri dengan orang yang dapat memberi pengaruh dan perkembangan positif terhadap perjalanan kehidupan anda. Carilah waktu untuk bertemu dengan rakan-rakan yang senasib yang mampu memberi semangat dan motivasi serta berkongsi pengalaman rawatan dan pemulihan.

Sebagai contoh, anda boleh menyertai sistem sokongan seperti kumpulan WhatsApps atau Facebook Pejuang Kanser atau menyertai badan persatuan kanser bagi mendapatkan perkongsian, rujukan dan kata-kata semangat untuk anda kekal positif dan kuat berjuang dengan kanser.

Anda perlu posisikan diri dengan aktiviti-aktiviti kegemaran

Melakukan aktiviti-aktiviti yang anda sukai mungkin membuatkan anda tidak terlalu berfikir akan penyakit anda. Misalnya, anda boleh cuba untuk mencari hobi yang menyeronokkan dan bersesuaian dengan tahap kesihatan anda. Jangan terlalu berfikir dan hanyut dengan kesedihan. Hidup mesti diteruskan dan ingatlah orang yang tersayang.

Anda perlu ubah gaya hidup ke arah lebih baik

Penyakit kanser boleh membawa maut dan boleh berulang kembali sekiranya tidak dirawat dengan baik. Maka anda perlu mengubah gaya hidup ke arah yang lebih baik, sihat dan gembira. Anda perlu segera berjumpa doktor dan mendapat rawatan secara konsisten. Rawatan yang lebih awal dan konsisten dapat mencegah penularan kanser ke tahap yang lebih kritikal. Selebihnya, anda harus optimis dan sentiasa mempunyai harapan yang positif untuk kembali sihat dan sembuh sepenuhnya.





"Janganlah kamu bersikap lemah dan janganlah pula kamu bersedih hati, padahal kamulah orang-orang yang paling tinggi derajatnya, jika kamu orang-orang yang beriman."
(Surah Al-Imran, ayat 139)

Anda perlu suluhan al-Quran

Suluhan al-Quran merupakan motivasi besar kepada penjaga dan pesakit yang didiagnosis kanser bagi meneruskan perjuangan melawan kanser dan mendapatkan kesembuhan.

Anda dinasihatkan agar tidak terlalu lama berlarut dengan kesedihan dan nasib diri, tetapi sebaliknya segeralah merancang strategi untuk berhadapan dengan cabaran dan harapan serta memberi fokus yang positif terhadap diri.

Apabila kita yakin terhadap kekuasaan Allah, hidup akan menjadi lebih bahagia dan berlapang dada.

Keadaan ini secara tidak langsung memberi kesan yang baik kepada kesihatan mental dan fizikal kita. Pada akhirnya, kita akan semakin menghargai dan mensyukuri setiap detik masa yang diberikan Allah kepada kita.

Sepertimana Firman Allah: "*Janganlah kamu bersikap lemah dan janganlah pula kamu bersedih hati, padahal kamulah orang-orang yang paling tinggi derajatnya, jika kamu orang-orang yang beriman.*"
(Surah Al-Imran, ayat 139)

ENHANCING 3D SHAPES LEARNING WITH MICROSOFT WORD'S 3D MODEL INSERT FEATURE

Rafizah Kechil, Azlina Mohd Mydin

Microsoft Word's 3D Model Insert feature is a powerful tool that can help educators to transform the way geometry is taught. With this feature, educators can bring 3D shapes to life in their lessons, providing students with an interactive and engaging way to learn geometry concepts. Here is a step-by-step guide on how to use Microsoft Word's 3D Model Insert feature.

01

Open a New Document

02

Select the Insert Tab

03



Click on the 3D Models Button

04

Choose a 3D Model


05

Insert the 3D Model



06

Manipulate the 3D Model



By allowing students to interact with 3D models directly within their documents, this feature can help to enhance their understanding of the properties of these shapes and their relationships to other geometric concepts. With the 3D Model Insert feature, students can view 3D shapes from any angle and rotate them to see all sides. This allows them to better visualize the shapes and understand their properties, such as the number of faces, edges, and vertices.

MARI BELAJAR TAMIL (BAHASA MELAYU VS BAHASA TAMIL)



-UCAPAN-

Terima Kasih




Nandri

Hai



Vanakkam

Selamat
Pagi




Kalai
Vanakkam

Selamat
Tengahari



Mativa
Vanakkam

Selamat
Malam




Malai
Vanakkam

MARI BELAJAR TAMIL (BAHASA MELAYU VS BAHASA TAMIL)

-PERBUATAN-

Azlina Mohd Mydin & Elly Johana Johan

Pergi	→	Po	
Mai sini	→	Ingaiva	
Tidur	→	Tungu/ orakkum	
Berdiri	→	Nille	
Duduk	→	Okkare/ Amarenggel	



MAI CAKAP PENANG -V2-2023

Beritahu – habaq mai sat

Mari - mai

Panas – hangat

Kuat tidur – mereloh

Makan ikut nafsu – kedaroh

Baisikal tua – gherek

Kacang Dhal – Kacang Parpu

Solat – semayang

Wudhuk – Ayaq semayang

**Azlina Mohd Mydin
& Syarifah Adilah
Mohamed Yusoff**

Rafizah Kechil, Wan Anisha Wan Mohammad

VISUALIZE TEXT USING CANVA: BRINGING WORDS TO LIFE

Visualizing text can be an effective way to grab audience's attention and convey message in a way that's easy to understand and remember. Here are some tips for using Canva to visualize text:

1

Sign in to Canva account and click on the "Create a design" button.

2

Select the type of design. For examples; doc, whiteboard, presentation or video.

4



Provide a detailed description of the image.

In the editor panel, access the Apps section by clicking on it. Select "Text to Image".

3

5

Choose a preferred style and aspect ratio. Click on the "Generate image" option.




To create additional images, choose "Start again".

7

6

To include the newly generated image to your design, select the image.



"By visualizing text with Canva, we can create engaging and memorable content that will resonate with our audience."

Reference:

Canva. Text to Image: Turn words into stunning images. Retrieved from: <https://www.canva.com/help/text-to-image/>

Kenali 6 Perisian Matematik Mudah untuk (PdP)

Siti Asmah Mohamed

Penggunaan alat digital dapat meningkatkan kemahiran dan strategi yang sangat relevan dalam bidang matematik. Perisian matematik amatlah membantu untuk meningkatkan pencapaian, pemahaman konsep, motivasi, kemahiran visualisasi, penglibatan, minat, keupayaan pemikiran kritis, penaakulan matematik dan penyelesaian masalah (Nur Aina Hanis, 2022). Berikut adalah perkongsian enam perisian matematik mudah yang boleh diguna pakai bagi membantu para pendidik dan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran. Marilah jadikan pembelajaran matematik sebagai dunia matematik yang penuh dengan keseronokan dan suasana yang interaktif dengan berbantuan aplikasi matematik.

CleverMaths

CleverMaths ialah satu perisian anotasi yang berkuasa dengan pelbagai alatan yang interaktif. Aplikasi ini boleh dimuat turun secara percuma dan tanpa perlu mengakses internet. CleverMaths merupakan satu aplikasi menarik menyediakan pelbagai 'tools' yang berguna seperti protaktor, pembaris, kertas graf, peralatan makmal,



kalkulator bukan saintifik serta boleh menyimpan segala kerja dalam pelbagai bentuk fail. Papan putih mudah alih pelbagai warna dan boleh diganding guna dengan pen tablet.

Aplikasi topik dengan CleverMaths:

Matematik: *Graf Fungsi, Garis dan Sudut, Garis Lurus, Geometri, Sistem Koordinat, Lokus*

Sains/Fizik: *Peralatan Makmal*

Kimia: *Periodic table, Struktur Atom, Peralatan Makmal*

Symbolab

Symbolab ialah kalkulator matematik yang boleh menyelesaikan masalah matematik yang kompleks. Symbolab membolehkan pengguna mencari dan menyelesaikan persamaan, formula dan ungkapan menggunakan simbol matematik dan notasi saintifik serta menyediakan penyelesaian



langkah demi langkah. Symbolab menawarkan pelbagai kalkulator matematik termasuk kalkulator persamaan, persamaan serentak, ketidaksamaan, pengiraan kamiran, perhitungan derivatif, pengiraan sempadan, pengiraan garis tangen, persamaan trigonometri dan banyak lagi. Produk ini boleh digunakan secara meluas oleh pelajar, jurutera dan saintis.. Symbolab kalkulator boleh dimuat turun secara percuma dan mesra pengguna.

Aplikasi topik matematik dengan Symbolab:

Matrix, Vector, Derivatives, Integrals, limits, series, ODEs

SkethUp Make

SketchUp Make adalah satu perisian dinamik tiga dimensi yang membolehkan objek 2D dan 3D dilihat dalam sesebuah model yang dibangunkan. SketchUp Make membolehkan anda melihat objek dari berbagai perspektif mengikut bentuk objek yang dibina. Aplikasi ini boleh dimuat turun secara percuma di semua platform. Manual



penggunaan tersendiri daripada aplikasi ini membolehkan penggunaannya menerokai pelbagai fungsi yang telah disediakan.

Aplikasi topik matematik dengan SkethUp Make:

Bentuk 2D, Bentuk 3D, Poligon, Perimeter dan Luas, Teorem Pythagoras, Bulatan

GeoGebra

Perisian GeoGebra merupakan perisian matematik yang dibangunkan oleh Markus Hohenwarter (2001) di Universiti Salzburg, Austria. Idea asas pembangunan perisian ini menggabungkan konsep geometri, aljabra, dan kalkulus dengan pakej tambahan 'spreadsheet' dan aljabra komputer (Effandi, 2014). Nama Geogebra sendiri diberikan



sebagai singkatan daripada Geometri dan Algebra. Aplikasi ini boleh dimuat turun secara percuma di semua platform sama ada di desktop, tablets dan juga laman sesawang. Perisiannya sangat mesra pengguna dan dapat meningkatkan keupayaan dalam menyelesaikan masalah matematik.

Aplikasi topik matematik dengan GeoGebra:

Geometri, Graf, Algebra, Statistik, Kalkulus

Desmos

Kalkulator grafik desmos ialah satu alat bantu dalam talian yang menyediakan pendekatan interaktif, dinamik dan persuasif dan boleh diakses oleh pengguna sama ada pada komputer riba, desktop atau telefon mudah alih. Kalkulator grafik desmos sebagai grafik awal kalkulator yang



boleh digunakan secara percuma dan mesra pengguna. Aplikasi ini membolehkan pengguna membuat graf berbilang fungsi pada skrin yang sama, mengetahui lebih lanjut tentang fungsi grafik, memplot jadual data, menilai persamaan, meneroka transformasi dan dilengkapi dengan kalkulator graf, kalkulator saintifik, 4 fungsi kalkulator, kalkulator matrik dan alat geometri serta data boleh disimpan melalui desmos.

Aplikasi topik matematik dengan desmos:

Persamaan linear, Graf fungsi, Trigonometri, Kalkulus, Geometri



PhotoMath

PhotoMath merupakan aplikasi yang dibangunkan untuk mendapatkan penyelesaian masalah matematik dimana teknologi pembaca teks dengan mengimbas masalah matematik yang dimuat naik oleh pengguna. Daripada permasalahan tersebut, aplikasi ini akan



menyelesaikan dengan memberikan penyelesaian dan jalan kerja yang lengkap. Pengguna hanya perlu menangkap gambar soalan matematik atau menaip soalan matematik tersebut dan aplikasi tersebut akan memproses jawapan dan memberi penyelesaian lengkap. Aplikasi ini boleh dimuatnaik di semua telefon pintar secara percuma.

Aplikasi topik matematik dengan PhotoMath:

Pengamiran, Pembezaan, Graf, Trigonometri, Matrik, Had



Rujukan: 1) Erlina .A & Zakaria E., (2014). The Effect of Using Geogebra on Students' Problem Solving Ability and Mathematics Achievement. *Jurnal Pendidikan Matematik*, 2 (1), 51-64(2014) ISSN: 2231-9425

2) Aina N. & Hidayat R., (2022). The Role of Geogebra Software in Mathematics Education: A Systematic Literature Review. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, VOL 12 NO 2 2022 / ISSN 2232-0393 / eISSN 2600-93072 (1), 51-64(2014) ISSN: 2231-9425

3) Desmos (2020, Feb 13). Introduction to the Desmos Graphing Calculator[Videofile], Retrieved from: www.youtube.com/watch?v=Si-7hMGRed4

4) Perisian Pembelajaran Matematik:Retrieved(September 10, 2023)from:<https://anyflip.com/uvntg/tele/basic>

PENILAIAN BAHARU UNTUK KOMPONEN KUALITI PENCAPAIAN, MyATP MELIBATKAN STAF AKADEMIK DENGAN TREK P&P

Ts. Jamal Othman

PILIH 3 LAGI DARI KATEGORI 2 HINGGA 5 [PENCAPAIAN – 5-5-5-5 – JUMLAH 20 MARKAH]

(5 MARKAH)

PENCAPAIAN 1

PENERBITAN (WAJIB)

- 0M - 0 penerbitan
- 2M - 1 penerbitan
- 3M - 2 penerbitan
- 4M - 1 penerbitan + 1 jurnal berindeks
- 5M - ≥ 3 penerbitan (1 jurnal berindeks + 1 penulis koresponden/tunggal or pertama UITM)

*DM41/45/51/52

**berindeks – scopus/wos/era

(5 MARKAH)

PENCAPAIAN 2

PEMBANGUNAN PROGRAM AKADEMIK/ASSURANCE OF PROGRAM

(Semakan atau Pembangunan Kurikulum, CDL-CQI, Akreditasi Program, Pembangunan Micro Credential, MOOC)

- 0M – tiada
- 1M – perlu bimbingan
- 2M – kurang memuaskan
- 3M – memuaskan
- 4M – kepujian
- 5M – cemerlang

(5 MARKAH)

PENCAPAIAN 3

PENGAJARAN KOLABORATIF BERDASARKAN 7 MODEL

Pilih 1

- Model 1 – Pembangunan Kandungan Kursus
- Model 2 – Penyampaian
- Model 3 – Penilaian Pentaksiran
- Model 4 – Model 1 + Model 2
- Model 5 – Model 1 + Model 3
- Model 6 – Model 2 + Model 3
- Model 7 – Model 1 + Model 2 + Model 3

DM41/45

- 0M – Tiada
- 3M – antara pensyarah PP sama
- 4M – antara PP
- 5M – antara Fakulti/Kampus

DM51/52

- 0M – Tiada
- 2M – antara pensyarah PP sama
- 3M – antara PP
- 4M – antara Fakulti/Kampus
- 5M – antara Universiti

*PP–Pusat Pengajian
*rujuk borang CGCT-CIDL

(5 MARKAH)

PENCAPAIAN 4

PRESTASI SUFO

- 0M – 0.00 \leq purata markah sufo \leq 49.99
- 1M – 50.00 \leq purata markah sufo \leq 59.99
- 2M – 60.00 \leq purata markah sufo \leq 69.99
- 3M – 70.00 \leq purata markah sufo \leq 79.99
- 4M – 80.00 \leq purata markah sufo \leq 89.99
- 5M – 90.00 \leq purata markah sufo \leq 100.00

(5 MARKAH)

PENCAPAIAN 5

LAIN-LAIN PENCAPAIAN YANG MUNASABAH

Perbincangan dengan Ketua PTJ

Ketua PTJ boleh cadangkan antaranya penglibatan dalam :-

- Pertandingan-pertandingan inovasi
- Projek-projek perundingan
- Ada projek penyelidikan tetapi trek P&P
- Program-program khidmat masyarakat
- Pelantikan dalam atau luaran sebagai AJK, auditor, vetter, pakar rujuk, LIC, RP, dll
- Ada usahakan MoU dengan industri/agensi

NOR HANIM ABD RAHMAN

Ever heard of the term 'ethno' or 'ethnology'? What is ethnomathematics?

Ethnomathematics is the study of the mathematical ideas and practices of different cultural groups. It aims to recognize and respect the diversity and richness of mathematical knowledge and foster intercultural dialogues and educations [2]. The study of ethnomathematics has revealed numerous instances of mathematical ideas, concepts, and practices that have diffused and spread across cultures throughout history. These instances highlight the interconnectedness of mathematical knowledge and the exchange of ideas between different societies.



Pic.1. Congkak Games [7]

For instance, in [7] Congkak or Congklak game or Dakon as depicted in Picture 1, is a game that is played by two people. The tool is a boat-shaped piece of wood or plastic that has a length of about 75 cm and a width of 15 cm. A master plan hole, as the name suggests, is present at both ends. There are smaller holes among them, each measuring about 5 cm in diameter. Seven holes make up each series. Up to seven pieces of grains or shells are stuffed into each tiny hole. Addition and subtraction are two mathematical concepts related to the Congkak game. The idea of addition and subtraction when placing grains one at a time into holes that are passed, including our own masterplan hole (on the left) but excluding the opponent's masterplan hole; (b) multiplication; and (c) understanding of a two-dimensional figure of a circle or the diameter of the Congkak holes. Gameplay Social Interaction on Congkak: trained fine motor manipulation abilities, concentration training, sportsmanship education for kids, training in strategy skills, and learning aids for counting.

Furthermore, here's an extended table with TWENTY (20) examples of cross-cultural ethnomathematics practices between Malaysia and other cultures [1]. This expanded table demonstrates a broader range of ethnomathematics practices in Malaysia and how mathematics is applied within these cultural activities. Mathematics is vital in various aspects of traditional practices, highlighting the intricate connections between mathematics and culture.

Ethnomathematics Practice	Malaysia	Other Countries
Numerical Systems	Hindu-Arabic numeral system (Indian)	Roman numerals (Ancient Rome)
Geometry and Measurement	Islamic geometric patterns	Ancient Greek Geometry
Calendar Systems	Malay lunar calendar	Mayan calendar (Mesoamerica)
Mathematical Notations	Indian numerals and zero	Chinese counting rods
Patterns and Symmetry	Batik patterns	Native American quilts and pottery designs
Traditional Games	Congkak (Mancala game)	Senet (Ancient Egyptian board game)
Traditional Music	Gamelan orchestra	African drumming rhythms
Traditional Architecture	Rumah Melayu (Malay traditional house)	Japanese traditional temples and shrines
Weaving and Textiles	Traditional weaving designs	Peruvian textiles and Andean weaving techniques
Rituals and Festivals	Islamic prayer times and lunar observance	Hindu Diwali festival and the use of Rangoli patterns
Indigenous Navigation	Traditional knowledge of celestial navigation	Polynesian wayfinding techniques and star compass navigation
Agricultural Practices	Traditional rice planting and harvesting methods	Incan-terraced farming and crop rotation techniques
Dance and Movement	Traditional Malay dance - Joget	Indigenous Australian Aboriginal dance - Corroboree
Food Preparation	Traditional recipes and cooking methods	Indian spice blending and Ayurvedic cooking techniques
Architecture and Urban Planning	Vernacular wooden stilt houses	Ancient Egyptian pyramids and temple complexes
Mathematical Games	Tangram puzzles	Chess and its variants from different regions

Below are some of the pictures of among the common practices of ethnomathematics in Malaysia:



Pic.2: Calender: Calculate and Draw Moon Phase [3]



Pic.3: Playing Dam Haji [4]



Pic.4: The Batik Texture by Shahril KHMD [5]



Pic.5: The Islamic Geometric Patterns [6]

By recognizing the significance of these ethnomathematics practices in our modern society, we can promote cultural diversity, preserve heritage, foster creativity, and broaden our understanding of mathematics in different cultural contexts.

References:


- [1] ChatGPT on Ethnomathematics. OpenAI. ChatGPT. 2023. <https://openai.com>. Accessed [6 July 2023]
- [2] Ethnomathematics in the Curriculum: Challenges and Opportunities in Integrating Ethnomathematics into The Curriculum? <https://www.linkedin.com/advice/1/what-some-challenges-opportunities-integrating>. Accessed [25 Aug 2023]
- [3] 2 Specific Conditions The Anak Bulan Must Meet Before hari Raya Is Confirmed. 18 April 2023. <https://cilisos.my/why-muslims-check-anak-bulan-to-confirm-puasa-when-we-already-know-the-date/>. Accessed [25 Aug. 2023]
- [4] Politik 'dam aji'. 14 September 2020. <https://harakahdaily.net/index.php/2020/09/14/politik-dam-aji>. Accessed [25Aug. 2023]
- [5] Pattern for traditional clothes malaysia with batik texture by Shahril KHMD. 2023. <https://www.shutterstock.com>. Accessed [25Aug. 2023]
- [6] Islamic Geometry patterns. 29 August 2020. <https://www.pixtastock.com/photo/69538458>. Accessed [25Aug. 2023]
- [7] Moh Zayyadi, Sri Indriati Hasanak & Ema Surahmi (2018). Ethnomathematics Exploration in Traditional Games as A Form of Students' Social Interaction. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Matematika*, 6(2); 125-132.

Puisi

03

Di Sebalik Tabir Sabatikal

ROFIZA ABOO BAKAR




Pergiku jauh demi sabatikal
 Persiapan dan cabaran, bukan sekadar senangan
 Ilmu dan pengalaman kukejar, bukan material
 Namun beratnya beban, sebelum ku bepergian

Menguruskan kewangan, itulah permulaan
 Simpanan perlu cukup, keluarnya laju seperti air
 Proses visa dan kad biometriks begitu melelahkan
 Demi sabatikal kukuatkan diri, walau semangat
 kadang mencair

Keluarga, kereta, rumah kutinggalkan, hati rasa luluh
 Rindu pada bonda tersayang, di hati ku selalu tercatat
 Tetapi sabar kupelihara, dalam perjalanan jauh
 Sabatikal kuharap memberi peluang, impian akan
 akhirnya dapat kulihat

Negara yang berbeza, budaya yang beraneka
 Sabatikal menuntut adaptasi, tanpa merungut resah
 Menghabiskan masa menggerudi ilmu tanpa leka
 Benar ia penuh cabaran, pelbagai kemahiran perlu
 kuasah

Tidak panjang akan tiba masa kembali
 Ilmu dan pengalaman kuharap dibawa, dalam hati
 yang kugarap kekuatan
 Cabaran persiapan, akan menjadi kisah abadi
 Sabatikal nan berharga, pengalaman tiada tandingan.



PADA SUATU KETIKA TERTENTU

ELLY JOHANA JOHAN

*Pada suatu ketika tertentu
Aku diilhami..
Menjadi doktor, menjahit lukaku sendiri*

*Pada suatu ketika tertentu
Aku diilhami..
Menjadi jurutera, membina semula emosi yang runtuh*

*Pada suatu ketika tertentu
Aku diilhami..
Menjadi malim gunung, mendaki gunung kesabaran puncak tertinggi*

*Pada suatu ketika tertentu
Aku diilhami..
Menjadi menjadi guru, memtarbiyah diri yang tersasar dr landasan hakiki*

*Pada suatu ketika tertentu
Aku diilhami..
Menjadi peguam, membela takdir yang dimanipulasi*

*Pada suatu ketika tertentu
Aku diilhami..
Menjadi perjuangan kemerdekaan, melepasi penjajah yang merosakkan jati diri*

*Pada suatu ketika tertentu
Aku diilhami..
Menjadi juru bahasa isyarat, berkomunikasi tanpa butir suara dan bicara*

*Pada suatu ketika tertentu
Aku diilhami..
Menjadi musafir, berkelana seorang diri dalam sunyi dan sepi*

*Pada suatu ketika tertentu..
Aku pasti bukan satu kebetulan
Tetapi itulah ilham dari ArRahman
Kerana DIA mahu dirimu merdeka dari fananya dunia
Kerana DIA mahu membebaskan jiwa dan ragamu dari kebergantungan sesama
makhluk
Kerana DIA mahu dirimu kembali dalam keadaan suci tanpa noda dan dosa*

Rindu yang tiada penghujung

Fuziatul Norsyihah Ahmad Shukri

Adik...

Saat kakak pejamkan mata,
Air mata ku jatuh tanpa di duga,
Tersedar yang adik sudah tiada,
berada di tempat yang lebih baik meninggalkan dunia yang fana,
wajahmu yang manis sering bermain di minda,
Gelak tawa dan gurau senda mu tak akan ku lupa,
Kakak rindu saat-saat kita bersama dari kecil hinggalah dewasa,
Kerana kaulah satu-satunya adik perempuan kakak yang ada.

Adik...

Kau tinggalkan kami buat selama-lamanya,
Tenanglah kau di sana,
Rehatlah sepuas-puasnya daripada kesibukkan dunia,
Gapailah tangan kakak kelak agar kita dapat bertemu semula di syurga,
Kakak kini sedang berdamai dengan takdir yang maha Esa,
Meniti hari-hari yang mendatang tanpa kehadiran mu yang manja,
Walaupun hati ini sakit menanggung rindu yang tiada penghujungnya.

Tuhan...

Sampaikan rindu ini untuk adikku yang telah pergi,
Pertemukanlah rindu ini walau hanya di dalam mimpi,
Agar rinduku pada adikku dapat bertaut kembali.

Al-fatimah buat adikku

Fatin Syakirah binti Ahmad Shukri

26/8/1989 ~ 7/4/2023(16 Ramadhan 1444H)





اَوَّلُ دَسِّيقِي تِي كَوْنُو كِنِي وَبَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

Unit Penerbitan e-Buletin

JABATAN SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK

UiTM CAWANGAN PULAU PINANG

13500 PERMATANG PAUH

PULAU PINANG

eISSN 2637-0077



9 7726 37007004